

YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

Betamethasone (0.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG
2. Bagaimana YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG berfungsi
3. Sebelum menggunakan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG
4. Cara menggunakan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG
5. Semasa menggunakan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG digunakan untuk merawat penyakit berkaitan dengan keradangan seperti demam reumatik akut dan kronik, artritis reumatoid (keradangan yang menjejaskan sendi di tangan dan kaki), asma, myolitis (keradangan saraf tunjang) dan dermatitis (keradangan kulit).

Bagaimana YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG berfungsi

YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG adalah glucocorticoid yang berupaya mengurangkan atau mencegah tindak balas inflamasi dalam tisu badan.

Sebelum Menggunakan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

Penting untuk memberitahu doktor jika anda mengambil kortikosteroid seperti betamethasone, budesonide, fluticasone, mometasone, prednisone dan triamcinolone. Ubat-ubatan ini digunakan untuk merawat alahan, asma, keradangan usus, radang mata, sendi dan otot dan lain-lain keadaan keradangan. Jika alternatif tidak boleh digunakan, penggunaannya hanya boleh diambil selepas penilaian perubatan di bawah pemantauan rapi oleh doktor anda untuk kesan sampingan kortikosteroid.

Sesetengah ubat mungkin akan meningkatkan kesan ubat YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG dan doctor anda mungkin akan memantau dengan teliti jika anda sedang menggunakan ubat-ubatan ini (termasuk ubat-ubatan bagi HIV, seperti *cobicistat*).

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan menggunakan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG:
- jika anda alergic terhadap bahan dalam Betamethasone Tablet.
 - jika anda menghidapi jangkitan sistemik kulit, ulser perut, osteoporosis (tulang menjadi rapuh dan lemah), atau masalah mental.
 - jika anda hamil atau menyusukan anak.

Penggunaan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG semasa mengandung, menyusukan bayi dan wanita yang boleh melahirkan anak perlu dirunding bersama doktor kerana potensi manfaat perlu dipertimbangkan terhadap potensi risiko kepada ibu, embrio atau janin.

- Sebelum menggunakan YSP

BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

Beritahu doktor jika anda :

- alah terhadap sebarang ubat
- mempunyai feokromositoma (tumor kelenjar adrenal)
- mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan mengambil vaksin jika anda menerima terapi kortikosteroid sistemik dos tinggi. Kortikosteroid mungkin menyembunyikan tanda jangkitan dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya.

Kadar rintangan dan keupayaan untuk mengenalpasti jangkitan mungkin diturunkan apabila kortikosteroid digunakan.

Kortikosteroid perlu diambil bersama dengan agen kemoterapi atau antibiotik untuk merawat jangkitan akut atau kronik. Orang yang melakukan terapi ini perlulah mengamalkan diet protein yang tinggi.

Penjagaan perlu diambil sekiranya anda mempunyai masalah kegagalan jantung kongestif kerana kemungkinan berlakunya pengekalan cecair. Perhatian perlu diambil apabila penggunaan ubat ini oleh orang tua.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhasrat untuk menggunakan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG bersama-sama dengan ubat-ubatan yang lain. Selain itu, anda juga perlu memaklumkan kepada mereka tentang semua ubat yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan YSP

BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

- Berapa banyak harus digunakan
Dewasa: Bermula dengan 1.5mg hingga 5mg.

Dos pengekalan: 0.5 to 1.5mg setiap hari, dalam dos berbahagi 2 hingga 4 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG perlu diambil selepas makan atau sebelum tidur.

- Berapa lama perlu digunakan

YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG perlu diambil mengikut arahan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG, ambil dos itu secepat mungkin apabila anda teringat. Jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan terus ambil dos seterusnya. Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan YSP

BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah regimen dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jika:

- anda mengambil ubat-ubatan selain daripada YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG.

- anda mempunyai ulser perut atau usus, penyakit buah pinggang, darah tinggi, glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata), sawan dan kencing manis.

YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

Betamethasone (0.5mg)

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG adalah gangguan cecair dan elektrolit, kelemahan otot, osteoporosis, ulser perut yang boleh disertai dengan penembusan dan pendarahan, penjejasan proses penyembuhan luka, kemerahan muka, sawan, gangguan haid tidak tetap, penindasan pertumbuhan pada kanak-kanak, pengurangan toleransi karbohidrat, tekanan tinggi dalam mata dan keseimbangan nitrogen terjejas kerana gangguan pemecahan protein. Rawatan kortikosteroid dos tinggi yang lama kadangkala mengakibatkan katarak (kekaburan kanta mata) yang menjejaskan belakang lensa mata, dan penipisan kulit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers*→*Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan YSP BETAMETHASONE TABLET 0.5MG

- Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara, di bawah suhu 30°C. Elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.


- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat berwarna putih



- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Betamethasone
- Bahan tidak aktif
Lactose
Microcrystalline Cellulose
Sodium Starch Glycolate
Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL19940031AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12, & 14, Jalan P/7,
Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

07/05/2025

Nombor Siri

BPFK(R4/1)020216/00024